



BERSALAM ... Tan Sri Datuk Amar Haji Bujang Mohd Nor bersalam dengan seorang pelajar dalam majlis Ikrar Pelajar di Unimas, malam semalam. Turut kelihatan, Naib Canselor Unimas, Prof Dr Khairuddin Ab Hamid.



SEMANGAT ... Pelajar Unimas bersemangat ketika melafazkan ikrar.

Jaga keperibadian sebagai pelajar – Bujang

SITI HASNIZA MOHD MUSTAPHA

KUCHING, Jumaat - Pelajar yang berjaya melanjutkan pelajaran ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT) tempatan perlu bersyukur kerana mereka tergolong dalam kelompok 40 ribu yang berjaya mendapat tempat berbanding 30 ribu lagi masih gagal meneruskan pengajian ke IPT.

Pengerusi Lembaga Pengarah Unimas, Tan Sri Datuk Amar Haji Bujang Mohd Nor menyifatkan jumlah itu adalah besar dan pelajar terpilih ke universiti tempatan harus menggunakan peluang itu kerana berjaya menjejakkan kaki ke universiti seterusnya bergelar seorang siswa dan siswi.

"Anda semua bertuah kerana berjaya mendapat tempat ke IPT. Oleh itu, anda perlu menggunakan peluang keemasan ini kerana dengan ilmu sahaja kita mampu berfikir, bertindak dengan bijak untuk menghadapi cabaran dan perubahan masa kini dan persaingan masa depan," katanya dalam majlis Ikrar Pelajar Unimas yang diadakan di Dataran Universiti, Kampus Barat, Unimas, malam semalam. Bujang mengingatkan pelajar agar merebut peluang pembelajaran di Unimas untuk membekalkan diri dengan ilmu pengetahuan berguna, ketahanan diri, sifat-sifat berdaya


saing, kreatif dan proaktif serta berketrampilan.

Ia adalah penting bagi pelajar untuk melengkapkan diri dengan sifat-sifat keperibadian dan pemikiran yang terbuka dan berakhlak tinggi supaya dapat mencerminkan kepelbagaian bangsa dan budaya yang harmoni di Malaysia, khususnya di Sarawak, katanya.

Sambil mengucapkan tahniah kepada 1,775 pelajar, beliau mengingatkan pelajar agar menunaikan tanggungjawab sebagai pelajar yang diamanahkan oleh ibu bapa, keluarga, masyarakat dan negara.

"Anda harus memberikan kerjasama kepada pengurusan Unimas serta bersama-sama memikul tanggungjawab untuk merealisasikan visi dan misi Unimas untuk memastikan mereka cemerlang dari segi sahsiah dan akademik," katanya.

Majlis Ikrar Pelajar itu turut dihadiri oleh Naib Canselor Unimas, Prof Dr Khairuddin Ab Hamid, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Prof Madya Dr Fadzil Abdul Rahman, Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi, Prof Dr Peter Songan, Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa, Prof Dr Fatimah Abang, dekan-dekan, pengarah-pengarah, timbalan-timbalan dekan, pegawai-pegawai Unimas dan



WAKIL IKRAR PELAJAR ... (dari kanan) Siti Nadzirah Mohammad, Dave Raj A/L Muniappan, Ho Li Ting, Lionel Phillip dan Mohd Hamed Ahmad Basir.

pengetua-pengetua kolej.

Seramai lima orang pelajar berbilang bangsa dipilih untuk mengetuai bacaan ikrar pelajar yang

terdiri daripada Mohd Hamed Ahmad Basir, Siti Nadzirah Mohammad, Dave Raj A/L Muniappan, Lionel Phillip dan Ho Li Ting.